

## SIARAN MEDIA

### KPKT PERUNTUK RM308 JUTA BAGI PEMBANGUNAN TIGA(3) PROJEK PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) BAHARU DI NEGERI PERAK

---

**IPOH, 25 September 2023** – YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan telah memaklumkan pelaksanaan pembangunan tiga (3) Projek Program Perumahan Rakyat (PPR) baharu di Negeri Perak dalam satu sidang media bertempat di Bangunan Perak Darul Ridzuan pada pagi ini. Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengenalpasti **tiga (3) tapak** untuk membangunkan projek PPR di negeri Perak iaitu di **Tambun, Lenggong dan Teluk Intan**.

Tapak pertama, PPR Tambun akan dibangunkan di **Parlimen Tambun** dan di bawah **DUN Manjoi di atas tapak milik Kerajaan Negeri**. Projek ini mensasarkan sebanyak **500 unit rumah bertingkat dengan kemudahan lif**, surau, tadika, taska, dewan/balai komuniti, kedai, gerai, bangunan utiliti/ansilari, landskap dan kawasan lapang dengan anggaran kos **RM140 juta**. **Buat masa ini**, KPKT sedang mendapatkan pertimbangan dan kelulusan khas Kementerian Ekonomi (KE).

Tapak kedua iaitu **PPR Lenggong**, Perak terletak di **Parlimen Lenggong** dan berada di dalam **Dewan Undangan Negeri (DUN) Kota Tampan**. Sebanyak **300 unit rumah jenis teres** akan dibangunkan di atas tapak yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Perak berserta kemudahan asas seperti surau, tadika, taska, dewan/balai komuniti, kedai, gerai, bangunan utiliti/ansilari, landskap dan kawasan lapang dengan **anggaran kos RM72 juta**.

PPR Lenggong atau nama asalnya, PPR Perak telah diluluskan dalam *Rolling Pelan Ketiga* (RP3) Tahun 2023, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dan akan dilaksanakan secepat mungkin. Permohonan ini sedang dalam pertimbangan Notis Perubahan (NOC) oleh Kementerian Ekonomi.

Tapak ketiga pula merupakan tapak yang terletak di **Parlimen Teluk Intan** dan berada di

**DUN Changkat Jong.** Sebanyak **400 unit rumah teres** berserta kemudahan asas seperti surau, tadika, taska, dewan/balai komuniti, landskap dan taman permainan akan dibina di atas tapak milik **Perbadanan PR1MA Malaysia** dengan anggaran kos **RM96 juta**. Permohonan PPR Teluk Intan ini telah dikemukakan dan sedang dalam pertimbangan NOC oleh Kementerian Ekonomi.

YB KM berkata, "Pelaksanaan ketiga-tiga projek PPR baharu ini melibatkan anggaran peruntukan melebihi **RM308 juta dengan 1,200 unit PPR** yang akan memberi manfaat kepada **6,000 isi rumah di Negeri Perak.**"

Pembangunan Projek PPR ini akan menjayakan sasaran Kerajaan Persekutuan untuk pembinaan 500,000 unit Rumah Mampu Milik (RMM) di bawah RMKe-12 sekaligus memberi manfaat kepada rakyat. KPKT akan terus komited menggalas tanggungjawab menyediakan perumahan mampu milik demi kesejahteraan semua, rakyat Malaysia MADANI.

*#MalaysiaMadani*  
*#StrongerTogether*  
*#DemiPertiwi*  
*#UnityInDiversity*

---

*Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)*

